



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Prosiding

SEMINAR TAMADUN, ETNIK & TURATH ISLAMI (I-STET) 2017

MEMARTABATKAN TURATH ISLAMI MEMACU TAMADUN MULTI ETNIK

30 SEPTEMBER & 1 OKTOBER **2017** | 10 & 11 MUHARAM 1439H
(SABTU & AHAD)

KOMPLEKS ISLAM TUANKU MUHRIZ
& PUSAT PENGAJIAN TERAS
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Penyunting


Mashitah Sulaiman & Anita Ismail

Anjuran

PUSAT PENGAJIAN TERAS,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Dengan Kerjasama

UNIT KHAZANAH ILMU TURATH,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



I-STET17-017: Peranan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) Di dalam Pembangunan Komuniti Melayu-Muslim Berteraskan Ilmu Persilatan

Shukri bin Janudin, Asnarulkhadi Abu Samah

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang
Institut Penyelidikan Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia, Serdang
Email: shuxre75@hotmail.com; asnarul@upm.edu.my*


Shukri bin Janudin

*Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), Putrajaya
Email: shuxre75@hotmail.com*

Abstrak: Penyertaan masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui kegiatan-kegiatan kesukarelawan amat penting di dalam proses pembangunan komuniti. Peranan ini turut dilaksanakan oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) bagi mengembangkan ilmu beladiri sebagai wadah penyatuan masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia. Pembelajaran ilmu persilatan Melayu telah dijadikan sebagai satu daya tarikan yang menggalakkan penyertaan masyarakat sekaligus memacu rasa cinta terhadap tamadun bangsa dan sebagai pemangkin semangat patriotisme. Kajian kualitatif berbentuk konseptual ini menggunakan pendekatan penyelidikan kajian kes dengan objektif utamanya adalah memfokuskan penglibatan PSSCM di dalam proses pembangunan dan pemeraksanaan komuniti Melayu-Muslim di negara ini. Kajian ini menggunakan sumber-sumber primer melalui temuramah bersemuka, pemerhatian serta penglibatan penyelidik di lapangan bersama tenaga penggerak PSSCM dan dipadankan dengan maklumat-maklumat dari sumber sekunder seperti artikel, tesis, jurnal dan laman sosial yang berkaitan dengan bidang pembangunan komuniti. Kertas kerja ini diharapkan mampu menjadi perintis kepada kajian-kajian komprehensif yang berkaitan dengan aspek pembangunan komuniti dan amalan ilmu persilatan di masa akan datang bagi membuktikan terdapatnya keberkaitan serta kepentingan peranan PSSCM sebagai sebuah pertubuhan silat yang menyumbang kepada proses pembangunan serta pemeraksanaan komuniti di negara kita.

Kata kunci: Kesukarelawan, pembangunan, Silat Cekak, komuniti, tamadun, memacu.

Abstract: The community and the non-government organisation (NGO) participation in volunteering activities are very important in the process of community development. Such function is also implemented by Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) in developing the martial arts as a medium of Malay-Muslim toward community unity in Malaysia. The learning of silat Melayu has attract the people's participation that lure them to love the nation civilisation and become a catalyst to the spirit of patriotism. This



conceptual qualitative research exercising the study case approaches which parallel with the main objective is to focus on PSSCM's participation in the process of developing and empowering the Malay-Muslim community. This research utilize the premier sources such as face to face interview, observation and ground participation along with the PSSCM's activist, then its synchronized with the secondary sources such as articles, thesis, journals and social webs that are related to the community development studies. This research paper is expected to be a pioneer for the future comprehensive research which is related to the community development and silat practice in order to prove the relevancy and importance of the PSSCM's role as a silat organisation that contribute to the process of community developing and empowering in our country.

Keywords: Voluntering, development, Silat Cekak, community, civilisation, drives.

Pengenalan


Setiap kerajaan akan melakukan pelbagai usaha, program dan kempen bagi menyatupadukan rakyatnya kebiasaannya melalui pendekatan atas ke bawah (*top down*). Namun usaha tersebut adakalanya berhasil dan kadangkala kurang memberikan impak positif, sebaliknya sering dijadikan sebagai satu alat propaganda politik [⁵⁶]. Pendekatan ini juga kerap dilihat kurang berkesan disebabkan oleh faktor kurangnya komitmen di kalangan ahli komuniti, kekangan kewangan, kaedah pengurusan yang tidak efektif, penggunaan masa yang lama dengan pulangan hasil yang tidak dapat dipastikan [⁵⁷]. Hakikatnya usaha menyatupadukan masyarakat tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata. Penglibatan dan peranan berterusan setiap pertubuhan serta ahli komuniti juga penting bagi mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat sasaran melalui pendekatan bawah ke atas (*bottom-up*) iaitu ahli komuniti akan memberikan perkhidmatan kepada komunitinya [⁵⁸]. PSSCM membuktikan peranannya selama lebih dari lima dekad memacu penglibatan komuniti pesilat agar mencintai seni kebudayaan terutamanya ilmu persilatan Melayu secara sukarela sebagai wadah penyatuan serta pembangunan masyarakat. Ia turut melibatkan kerjasama dengan pihak kerajaan sebagai rakan strategik melalui konsep perkongsian pintar atau pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan - *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* [⁵⁹]. Justeru usaha memperkasakan komuniti melalui galakkan penyatuan dilihat lebih efektif jika ia turut dilakukan oleh sesebuah NGO yang bersifat neutral dan tidak memihak (*non-partisan*) kepada golongan sasaran tanpa adanya elemen politik kepartian. Ini bagi mengelakkan percanggahan dan

⁵⁶ La Palombara, J., & Weiner, M. (2015). *Political Parties and Political Development*. (SPD-6). Princeton University Press, 123 dan 131.

⁵⁷ Asnarulkhandi (2011). *Teori dan Amalan Pembangunan Komuniti* dlm Khadijah Alavi et al. (2009). *Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Pembangunan Komuniti Membina Keupayaan dan Potensi Masyarakat*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 40-47.

⁵⁸ Nikkhah, H. A., & Redzuan, M. (2009). Participation as a medium of empowerment in community development. *European Journal of Social Sciences*, 11(1), 174.

⁵⁹ Fesol, S. N. F. A. (2013). NBOS: Strategi Laut Biru Kebangsaan.



pergeseran pandangan di kalangan masyarakat yang timbul akibat kepelbagaian status sosial, perbezaan umur, jantina, keragaman fahaman serta pegangan ideologi politik.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bagaimana Seni Silat Cekak Memperkasakan Komuniti Melayu?

Dalam konteks kertas kerja ini, erti Melayu berdasarkan tafsiran Perkara 153 dan 160 Perlembagaan Persekutuan digazetkan sebagai seseorang yang beragama Islam, berbahasa dan beradat budaya Melayu serta diberikan hak-hak keistimewaan tersendiri yang dipelihara kemas oleh institusi Raja Berperlembagaan [60]. PSSCM menyasarkan komuniti ini supaya mempelajari ilmu Silat Cekak namun mereka perlu mengikuti syarat-syarat yang termaktub di dalam Perlembagaannya meliputi soal kelayakan, pantang larang, yuran dan sistem pembelajaran [61]. Tafsiran seni merupakan sesuatu yang diciptakan oleh manusia mengandungi nilai-nilai keindahan yang membangkitkan perasaan mereka untuk memuja dan mengikutinya, sedangkan perkataan ‘budaya’ berakar umbi dari kata *budi* dan *daya* [62] yang merupakan seni yang halus dan menjadi sebuah sarana ciptaan manusia diangkat sebagai suatu kepercayaan, ikutan, adat-resam, nilai, undang-undang serta pemakaian harian hidup mereka [63]. Seni silat pula merupakan ilmu beladiri warisan, budaya dan tamadun intelektual rumpun Melayu Nusantara yang telah berkembang sejak zaman keagungan kerajaan Sriwijaya pada abad ke 7 Masihi lagi [64]. Ilmu silat terus berkembang hingga kini dan masyarakat yang mempelajarinya turut diasuh dengan nilai-nilai cintakan seni budaya, menghormati sesama manusia, menghargai nikmat keamanan serta menjaga kerukunan negara.

Di Malaysia terdapat sejumlah 446 buah jenis silat yang berdaftar di bawah PESAKA [65] dengan 20 badan gabungan di bawah Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) termasuk empat badan pendiri PESAKA, 14 PESAKA negeri, PESAKA Labuan dan PESAKA Putrajaya. Manakala jumlah pesilat di seluruh Malaysia dianggarkan seramai 4.2 juta orang ahli [66]. Sebagai salah sebuah badan pendiri PESAKA, PSSCM

⁶⁰ Muslim, N., Alias, J., Hassan, W. Z. W., Umar, A., & Yunos, N. (2013). Analisis peruntukan orang melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam konteks hubungan etnik. *Jurnal Melayu*, 11, 63-78.

⁶¹ PSSCM (1997). Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Penerbit PSSCM.

⁶² Rachman, M. (2012). Konservasi Nilai dan Warisan Budaya. *Indonesian Journal of Conservation*, 1(1), 34.


⁶³ Shafii, H. (2010). *Kelestarian alam dalam seni budaya melayu: pantun sebagai bayangan falsafah alam dlm*

http://eprints.uthm.edu.my/1856/1/KELESTARIAN_ALAM_DALAM_SENI_BUDAYA_DR_HARYATI_SHAFII_2010.pdf. [Diakses pada 22 Julai 2017].

⁶⁴ Maryono, O. (1998). *Pencak silat: merentang waktu*. Pustaka Pelajar.

⁶⁵ PSSCM (2016). Perayaan Jubli Emas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia: Konvokesyen ke 33 dan Mesyuarat Agung Perwakilan ke 44, 21 Mei 2016 bersamaan 14 Syaaban 1437 H Dewan Datuk Haji Maideen Seremban Negeri Sembilan. Penerbit PSSCM, 68.

⁶⁶ PSSCM (2017). Sambutan 52 Tahun (1965-2017) Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia: Konvokesyen ke 34 dan Mesyuarat Agung Perwakilan ke 45, 20 Mei 2017 bersamaan 23 Syaaban 1438 H Dewan Datuk Haji Maideen Seremban Negeri Sembilan. Penerbit PSSCM, 78.



memupuk kesetiaan para penuntutnya dengan ikrar taat setia menerusi konsep pantang larang serta mematuhi Perlembagaan persatuan. Para penuntut Silat Cekak akan melalui suatu proses pembelajaran komprehensif yang mendidik dan memimpin mereka ke arah menjadi seorang pengamal Silat Cekak yang berjiwa murni sesuai dengan fitrah manusia untuk bergelar Melayu - Mukmin [67].

Sebagai sebuah persatuan berteraskan persilatan dan kebudayaan, komuniti Silat Cekak di bawah PSSCM mempunyai sifat dan skala lokaliti yang lebih meluas. Ini memandangkan ahli-ahli PSSCM berada di pelbagai lokasi yang berbeza di seluruh negara. Namun mereka tetap boleh bersatu padu di bawah kepimpinan seorang Guru Utama dan Presiden. Ahli-ahli silat di dalam komuniti PSSCM sentiasa diasuh agar bersatu dan menyertai pelbagai program atau aktiviti persatuan walau di mana mereka berada. Ini merupakan sebahagian dari proses dan wasilah pembangunan komuniti Melayu yang dilaksanakan oleh PSSCM selama lebih dari lima dekad. Usaha-usaha tersebut bersesuaian dengan lima elemen penting menurut ciri-ciri dan proses pembangunan sesebuah komuniti [68] iaitu; *Pemeriksaan, Penglibatan, Kesukarelawan, Pembangunan dan Pendemokrasian*.

Pemeriksaan


Melalui proses pembelajaran ilmu silat, para penuntut Silat Cekak diperkasakan dengan nilai-nilai ilmu persilatan seperti semangat keberanian, keyakinan, kepatuhan, kesabaran dan persaudaraan. Sifat-sifat ini mampu membangkitkan jati diri dan rasa kasih terhadap budaya bangsa. Jika budaya sendiri tidak dipedulikan dan dipertahankan maka siapa lagi mahu membela hak warisan tradisi mereka? PSSCM telah menggunakan elemen pendampingan bagi memperkasakan potensi komuniti yang mana PSSCM bertindak sebagai agen perubahan bersama-sama mengerakkan ahli-ahli komuniti samada mereka merupakan penuntut silat atau masyarakat setempat.

Sebagai anggota pertubuhan komuniti, setiap ahli PSSCM mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing di dalam komunitinya. Para penggerak persatuan yang terdiri dari kalangan Yang Dipertua, Penyelia dan Ahli-ahli Jawatankuasa akan sentiasa memberikan dorongan, bimbingan dan peluang kepada ahli komuniti untuk merancang idea, membuat keputusan dan melaksanakan tindakan yang bersesuaian bagi kepentingan bersama demi kemajuan ilmu silat. Konsep ini mampu memperkasakan komuniti PSSCM bersesuaian dengan konsep '*Secekak*' yang bermaksud '*Segenggam*' iaitu melambangkan perpaduan para ahlinya selain menyemai sifat bertanggungjawab sesuai dengan tafsiran '*Makan Cekak*' yang ertinya bertanggungjawab [69].

⁶⁷ Ab. Majid (2002). *Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia* dlm Noor Aniza Ishak & Najib Ahmad Marzuki, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial 2002: Belia dan NGO dalam kerja sosial: Isu, Peranan dan Strategi, Sekolah Pembangunan Sosial, UUM, 40-48.*

⁶⁸ Azizan Bahari et al. (2014). *Persoalan Sosial Remaja Belia: Usaha menanganinya melalui Pendekatan Kerja Komuniti*, Perlis: UNIMAP, 5-8.

⁶⁹ PSSCM (1975). *Suara Cekak* Bil 1 Ed. 2007 Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM, 34.



Penglibatan

Silat Cekak sendiri berasaskan dari sebuah pergerakan komuniti. Bermula dari tahun 1965, ia bergerak di bawah naungan Perkumpulan Seni Sari Budaya Seri Kedah (PSSBSK). Menjelang tahun 1968, Silat Cekak digerakkan sebagai sebuah persatuan bergelar Persatuan Seni Silat Chekak Kedah Malaysia (PSSCKM). Pada tahun 1970, PSSCKM telah dihijrahkan ke Kuala Lumpur dan buat permulaannya ia bergerak di bawah Persatuan Bawaen Selangor (PBS) sebelum berjaya berdiri kukuh dan bebas sebagai Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) pada tahun 1971 hingga kini [70]. Sebagai sebuah pertubuhan komuniti, ahli-ahli PSSCM dididik untuk terlibat dan menyertai secara aktif di dalam sebarang usaha memajukan kegiatan silat. Mereka bukan sahaja perlu menjadi peserta tetapi turut berperanan sebagai perancang, pelaksana dan pengendali yang mahir berkomunikasi serta sentiasa akan memastikan sesebuah program itu berjaya. Kejayaan yang dihasilkan akan menerbitkan kepuasan, mengeratkan ukhwah serta kepercayaan di kalangan semua ahli persatuan.

Sebagai pemimpin komuniti, mereka perlu peka atau responsif terhadap persekitaran, kehendak ahli serta dasar-dasar negara. Pemimpin komuniti perlu memiliki misi, visi dan objektif selain bakat kepimpinan untuk memberikan pengisian terhadap matlamat yang disasarkan. Dengan cara ini kepimpinan mereka lebih mudah diterima dan diyakini oleh ahli-ahli komuniti serta masyarakat luar. Ia akan membuktikan PSSCM bersifat inklusif, mesra komuniti dan mengamalkan fungsi sosialisasi yang sihat. Ini kerana sifat utama komuniti adalah saling berinteraksi, suka hidup bermasyarakat, sedia berkongsi kemudahan dan menawarkan sesuatu perkhidmatan bagi memenuhi keperluan asasi diri mereka serta masyarakat sekeliling bagi mencapai kualiti dan kesejahteraan hidup [71].


Kesukarelawan

Sifat kesukarelaan akan menjelmakan semangat kesukarelawan. Walaupun tidak mendapat sebarang dana atau upah sebaliknya terpaksa pula mengeluarkan wang saku sendiri, ia tidak menjadi masalah kepada mereka yang terlibat dalam kegiatan kesukarelawan. PSSCM merupakan sebuah Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK). Persatuan ini tidak berasaskan keuntungan [72] namun sentiasa melatih ahli-ahlinya dengan budaya berkorban demi kemajuan persatuan. Sebagai Muslim, mereka wajib melakukan apa jua persediaan bagi

⁷⁰ Shukri J., Zaimilah Y. dan M.Surat (2017). *Sedekad Perkembangan Silat Cekak (1965-1975): Sumbangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) dalam Pembangunan Insan, Masyarakat dan Negara* dlm Kolokium Seni Silat Cekak Malaysia (KOSSCEM) 2017, Universiti Sains Malaysia: Penerbit PSSCM.

⁷¹ Jung, C. G. (1912). *The psychology of the unconscious*. Leipzig, East Germany: Franz Deuticke dlm McMillan, D. W., & Chavis, D. M. (1986). Sense of community: A definition and theory. *Journal of community psychology*, 14(1), 11.

⁷² Mohd Azwan Suroto et al. (2008). *The Practice of Knowledge Management in Non-Profit Organization: The Study on Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia*. *Journal of Knowledge Management in PSSCM, Faculty of Administrative Science and Policy Study UiTM*, 1-3.



mempertahankan diri dan ummah serta sentiasa berbakti samada memberi bantuan kewangan, tenaga, masa atau kemahiran demi faedah bersama semata-mata mengharap keredhaan dari Allah s.w.t sepertimana disarankan oleh Allah dalam surah Al Anfaal ayat 60 [73].

Sebagai sukarelawan di dalam komunitinya, minat, keikhlasan serta kesediaan untuk berkongsi amat penting dalam melaksanakan sesebuah kegiatan kesukarelawan. Konsep redah dan terus buat selebihnya serah pada Allah telah menjadi pegangan ahli-ahli PSSCM di dalam melaksanakan sesuatu aktiviti kemasyarakatan atau program - program anjuran PSSCM. Kesannya akan membentuk perasaan sayang dan kepunyaan di kalangan ahli-ahli persatuan yang hasilnya mampu mengikat kesetiaan, keyakinan dan komitmen para ahli terhadap komuniti mereka [74].

Pembangunan

Setiap OBK sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hidup di kalangan anggota mereka bagi memenuhi keperluan asas ahli-ahli komunitinya [75]. Di dalam Silat Cekak, program pembangunan kemahiran insaniah diberi penekanan melalui penjana modal insan bagi melahirkan para penuntutnya yang berkualiti dari segi sahsiah, pemikiran, interaksi sosial, kepimpinan dan jati diri [76]. Kesan pembinaan berterusan dari aspek modal insan ini telah melahirkan sukarelawan PSSCM yang sanggup berkorban, berdikari, suka terlibat dengan kerja-kerja kesukarelaan, mesra komuniti selain mahir dalam pelbagai aspek ilmu pengetahuan yang boleh disampaikan secara berkesan. PSSCM turut giat meningkatkan taraf keilmuan seni silat melalui pendekatan *Silat Cekak Silat Akademik*. Kini PSSCM telah menghasilkan lebih dari 50 buah kertas kerja yang sebahagian besarnya telah dibentangkan di dalam pelbagai seminar, kolokium, jurnal dan sebagainya [77].

Pendemokrasian

Sebagai sebuah NGO yang terbina lebih lima dekad di negara ini, PSSCM semestinya mempunyai asas-asas sistem pentadbiran dan pengurusannya tersendiri. PSSCM digerakkan berdasarkan Perlembagaan Persatuan (1971) dengan Guru Utama merangkap Presiden mempunyai kuasa pemutus di dalam menentukan sebarang dasar atau peraturan


⁷³ Al Quran dan Terjemahannya (1971). Surah Al Anfaal (8):Ayat 60. Juz 10, Kementerian Agama Republik Indonesia, 271.

⁷⁴ McMillan, D. (1976). *Sense of community: An attempt at definition*. Unpublished manuscript, George Peabody College for Teachers, Nashville, TN.

⁷⁵ Bess, K. D., Perkins, D. D., Cooper, D. G., & Jones, D. L. (2011). A heuristic framework for understanding the role of participatory decision making in community-based non-profits. *American journal of community psychology*, 47(3-4), 236-252.

⁷⁶ Ab. Majid (2009). *Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia*. Budaya Cekak: Kompendium Kertas Kerja, Seminar, Kursus dan Ucapan. Selangor: Penerbit PSSCM, 88.

⁷⁷ Temuramah dengan Prof Madya Dr. Abdul Majid Ismail pada 3 Jun 2017 di Rumah Cawangan PSSCM, Bukit Gelugor, Pulau Pinang. Beliau adalah bekas Dekan Pusat Pengajian Perancangan Perumahan dan Bangunan Universiti Sains Malaysia (USM) dan kini merupakan Naib Presiden 1 PSSCM yang banyak terlibat merealisasikan Silat Cekak sebagai Silat Akademik.



berkaitan hal ehwal perguruan, persatuan dan persilatan. Setiap Ahli Jawatankuasa, barisan Jurulatih dan Tenaga Pengajar samada di peringkat Negeri atau di institusi-institusi pendidikan perlu mendapat mandat persetujuan dari Guru Utama merangkap Presiden. Namun setiap ahli mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mereka bagi memajukan persatuan mengikut saluran-saluran seperti Mesyuarat-Mesyuarat Agung Perwakilan [78]. Ini merupakan satu kaedah musyawarah yang menggabungkan proses membuat keputusan yang terbaik di dalam mencapai matlamat persatuan. Hasil musyawarah akan dilaksanakan berdasarkan penyertaan, kesepakatan, kebertanggungjawaban, telus, bertindak balas, keberkesanan, kesaksamaan dan keterangkuman serta pematuhan terhadap perundangan [79].

Persepsi negatif perkaitan ilmu silat dengan pembangunan komuniti

Menjadi lumrah masyarakat dan pengkaji sosial kurang mengenali kelebihan persatuan-persatuan silat dari aspek pembangunan komuniti dan sosial. Kebanyakkan skop kajian atau khidmat terhadap komuniti difokuskan kepada usaha agensi-agensi kerajaan atau pihak swasta membantu kelompok-kelompok konvensional seperti komuniti gelandangan, miskin, terpinggir, setinggan, nelayan, petani, peneroka Felda, pelajar, Rukun Tetangga dan lain-lain golongan minoriti melalui pendekatan atas ke bawah. Objektifnya lebih banyak tertumpu kepada usaha meningkatkan kemampuan ekonomi golongan sasaran semata-mata. Sedangkan pendekatan bawah ke atas sekian lama dilakukan oleh PSSCM di dalam memperkasakan golongan masyarakat bagi mendokong aspirasi dan dasar semasa kerajaan. Ini dilakukan melalui usaha meningkatkan nilai ilmu dan rasa cinta masyarakat terhadap seni budaya sebagai suatu sub-elemen penyatuan dan nasionalisme.


Sekian lama seni silat dipalitkan dengan pelbagai penilaian negatif oleh segelintir masyarakat seolah-olah belajar silat nanti suka bergaduh, terjebak dengan ilmu khurafat takut sesat akidah, belajar silat nampak kolot atau rasis dan untuk apa belajar silat di zaman serba moden ini jika sudah ada senjata api dan anggota keselamatan? Persatuan-persatuan silat juga dianggap sebagai sebuah persatuan biasa-biasa sahaja yang disertai oleh masyarakat sebagai satu hobi dan hiburan mengisi masa lapang serta tidak boleh berkembang di dalam kehidupan moden. Persepsi-persepsi dangkal ini memang dilakukan oleh mereka yang tidak mengetahui peranan sosial yang dimainkan oleh persatuan-persatuan silat di dalam memperkasakan komuniti dan membangunkan negara.

Kenapa membangunkan komuniti itu penting bagi PSSCM?

Sebagai sebuah organisasi masyarakat yang bercirikan seni kebudayaan, PSSCM turut memberikan sumbangan sosial kepada pembentuk negara-bangsa selari dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang diperkenalkan sejak tahun 1971 lalu. DKK sememangnya berobjektif mengukuhkan interaksi sosial di kalangan masyarakat

⁷⁸ PSSCM (1997) Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Fasal 8, 16 dan 24.1. Penerbit PSSCM.

⁷⁹ Azizan Bahari (2013) Bekerja dengan komuniti, Perlis: Pustaka Qarya, 46.



dengan kebudayaan Melayu dan Islam menjadi teras perpaduan rakyat [80] dan masih relevan hingga kini selaras dengan agenda Transformasi Nasional 2050 - TN50 [81]. Persatuan ini turut menggunakan konsep Berguru, Bersilat dan Berpersatuan dalam menyakin dan menyatukan ahli-ahlinya di bawah institusi Guru Utama dan Presiden yang berfungsi sebagai institusi tertinggi di dalam mentadbir dan mengawal selia PSSCM [82].

Sehingga Julai 2016, bilangan penuntut Silat Cekak sejak ditubuhkan pada tahun 1965 di seluruh negara dianggarkan melebihi 80,000 orang dengan 85 peratus adalah terdiri dari kalangan mereka yang berkelulusan institusi pengajian tinggi (IPT) dan profesional yang terlibat aktif menyumbangkan bakti kepada masyarakat dan negara [83]. Malah PSSCM juga memiliki sejumlah 124 buah kelas latihan seluruh negara dengan 87 buah darinya berada di institusi-institusi pengajian negara [84]. Kekuatan dan kelebihan ini mampu dimobilisasikan bagi proses pembangunan agama, bangsa dan negara ini.

Aspek-aspek penting dalam Pembangunan Komuniti

Terdapat dua aspek penting di dalam pembangunan komuniti. Pertama; sebagai usaha membasmi permasalahan ekonomi. Kedua; memenuhi tuntutan globalisasi yang kian berkembang [85]. Manakala aspek lain yang juga penting adalah peluang yang harus diberi kepada ahli komuniti bagi memenuhi keperluan asasi dan sendiri komunitinya [86].

Dampak negatif permasalahan ekonomi mewujudkan pelbagai gejala sosial yang sering mengganggu ekologi persekitaran manusia seperti jenayah, penyimpangan akidah, kelunturan jati diri dan semangat nasionalisme. Oleh itu program-program pemulihan yang mengawal tingkah laku awam serta sistem perundangan sedia ada amat diperlukan sebagai mekanisme kawalan sosial [87]. PSSCM sebagai salah sebuah NGO telah tampil membantu kerajaan untuk mencegah dan memulihkan gejala sosial tersebut dari menjadi lebih parah dan pasti memerlukan kos yang lebih tinggi bagi memulihkannya.

⁸⁰ Z.M.Nasir & Norlin A. (2009). *Pembangunan Sosial dalam Hubungan Etnik dlm Hubungan Etnik di Malaysia Perspektif Teori dan Praktikal* dlm. http://eprints.utm.my/14763/1/ZalizaMohdNasir2009_PembangunanSosialdalamHubunganEtnik.pdf. [Diakses pada 29 Jun 2017].

⁸¹ Universiti Kebangsaan Malaysia (2017). *Kongres Budaya 2017 Mengetengahkan Hak Kepentingan Bahasa Melayu - Rais Yatim* dlm. http://www.ukm.my/news/Latest_News/kongres-budaya-2017-mengetengahkan-hak-kepentingan-bahasa-melayu-rais-yatim/ [Diakses pada 29 Julai 2017].

⁸² Roslin Ali Omar (2009). *Tonggak 12 Pentadbiran PSSCM dlm PSSCM (2009). Budaya Cekak: Kompedium Kertas Kerja, Seminar Kursus dan Ucapan PSSCM*. Selangor: Penerbit PSSCM, 213-214.


⁸³ Harian Metro (27 Julai 2016). *Silat Warisan Hang Tuah*, 32-33.

⁸⁴ PSSCM (2016). *Perayaan Jubli Emas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia: Konvokesyen ke 33 dan Mesyuarat Agung Perwakilan ke 44, 21 Mei 2016 bersamaan 14 Syaaban 1437 H Dewan Datuk Haji Maideen Seremban Negeri Sembilan*. Penerbit PSSCM.

⁸⁵ Sabran, M. S. (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 11(2), 137.

⁸⁶ Midgley, J. 1999. Growth, redistribution, and welfare: towards social investment. *Social Service Review* 73(1), 3-11.

⁸⁷ Titmuss, R.M. (1974). *Social Policy: An Introduction*. London: George Allen & Unwind, Ltd.



Ini telah berjaya dilaksanakan antara salah satunya adalah melalui penglibatan PSSCM secara sukarela di dalam program pemulihan komuniti remaja gelandangan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Chow Kit, Kuala Lumpur. Anak-anak remaja 16 tahun ke atas yang memasuki sekolah ini telah diwajibkan oleh pihak pengurusan sekolah untuk mengikuti kelas Silat Cekak yang ditawarkan oleh PSSCM secara percuma. Program berbentuk tanggungjawab sosial komuniti (*community social responsibility - CSR*) ini telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai satu usaha murni NGO persilatan di dalam membangunkan modal insan dan sahsiah para pelajar [88]. Pendekatan saling melengkapi di antara NGO dan agensi kerajaan ini bersesuaian dengan konsep *NBOS* [89].

Kedua, di dalam usaha memenuhi keperluan globalisasi pula, PSSCM telah memainkan peranan yang aktif dalam mempromosikan ilmu Silat Cekak melalui medium media sosial. Usaha ini juga merupakan salah satu proses memperkenalkan kebudayaan tempatan ke dunia luar. Proses pengantarabangsaan Silat Cekak Malaysia turut ditekankan melalui penyertaan pelajar-pelajar antarabangsa yang beragama Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, UIAM [90].

PSSCM juga terlibat dalam pembentangan kertas kerja di peringkat antarabangsa seperti di Brunei, Indonesia dan Jepun selain memainkan peranan aktif di dalam program-program PESAKA dan Persekutuan Silat Antarabangsa (PESILAT) di peringkat ASEAN [91]. Hasil program berterusan PSSCM mengajar ilmu silat kepada golongan wanita membolehkan persatuan ini menerima anugerah *Outstanding Achievement Award in Empowering Women* oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Hamimah pada Sidang Kemuncak Islam Antarabangsa (WISE) 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 23 September 2016 [92].

Ketiga, di dalam aspek memenuhi keperluan asasi dan pembangunan sendiri komuniti, PSSCM melalui program pengajaran Silat Cekak telah mengasuh para penuntutnya secara berterusan dengan disiplin-disiplin silat seperti menghormati para pemimpin, orang yang lebih tua dan berilmu, tidak bergaduh, dengki dan khianat sebaliknya menyayangi negara,


⁸⁸ PSSCM (2016). *Pengiktirafan Program Penerapan Jati Diri Melalui Budaya kepada Pelajar Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia* Surat Kementerian Pendidikan Malaysia dlm PSSCM (2015) op.cit., 67.

⁸⁹ Utusan Malaysia. (2 November 2015). *Akses Pendidikan untuk Anak Gelandangan dan SBJK ubah corak kehidupan lama kami*.

⁹⁰ PSSCMUIAM (2015). *Seminar Pemantapan Budi dan Budaya Melayu*, 31 Oktober 2015 bersamaan 18 Muharram 1437H di Auditorium Utama Kuliyyah Seni Bina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Terbitan PSSCM, 6-8.

⁹¹ PSSCM (2015). *Jubli Emas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (1965-2015)*. Kuala Lumpur: Terbitan PSSCM, 109.

⁹² Bernama. (2016). *Raja Permaisuri Hadir Majlis Makan Malam Gala Sidang Kemuncak Wanita Islam Antarabangsa* dlm. <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1285418>. [Diakses pada 2 Jun 2017].



berjuang demi agama dengan penuh tanggungjawab, amanah, ikhlas dan sebagainya [93]. Malah ilmu silat sejak sekian lama berperanan sebagai ilmu pendidikan yang menyatukan masyarakat, medium pengembangan warisan budaya dan sebagai mekanisme pertahanan sesebuah negara sesuai dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan kepada persatuan, pertubuhan dan para pesilat sebagai Warisan Negara [94], Benteng Ketiga Pertahanan Negara [95] dan sebagai Seni Beladiri Rasmi Negara [96]. Rentetan dari pelbagai pengiktirafan tersebut, pihak Kementerian Pendidikan turut melaksanakan Program 1 Sekolah 1 Silat [97].

Pada masa kini hampir setiap hari dan minggu pasti ada aktiviti dan program Silat Cekak di institusi pendidikan atau cawangan samada berbentuk kelas latihan silat, program rekreasi, keilmuan, keagamaan, kebudayaan dan sebagainya yang disertai oleh ahli-ahli komuniti persatuan ini. Aktiviti-aktiviti berasaskan komuniti di peringkat akar umbi ini menjadi sebuah proses pendampingan dan pemerksaan secara berterusan dan kolektif [98]. Ini dapat mengisi keperluan rohani, mental, fizikal dan emosi serta mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran, jatidiri dan semangat kekitaan di kalangan ahli komuniti [99]. Penglibatan aktif para ahlinya di dalam aktiviti-aktiviti berfaedah ini dapat menghindari diri mereka dari melakukan perbuatan-perbuatan anti sosial.

Teori Hierarki [100] menyatakan setiap manusia memerlukan lima keperluan asasi dan impian diri iaitu dapat memenuhi keperluan fisiologi, ingin sentiasa selamat, berada di kedudukan hierarki yang tinggi, keinginan untuk disanjung, disayangi dan dapat memenuhi segala keperluan diri. Berdasarkan motivasi ini, PSSCM telah memenuhi aspek keperluan keselamatan dengan menawar ilmu persilatan agar penuntut dan komuniti merasa lebih yakin, berani dan selamat bagi melindungi diri sendiri dan orang lain. Penglibatan para penuntut dalam komuniti Silat Cekak turut akan menyemai semangat persahabatan, rasa dihormati, disayangi dan dihargai sekaligus dapat memenuhi tuntutan

⁹³ Ab. Majid (2009). *Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia* dlm Budaya Cekak: Kompodium Kertas Kerja, Seminar, Kursus dan Ucapan. PSSCM. Selangor: Penerbit PSSCM, 88.

⁹⁴ PESAKA (2015). *Silat warisan negara* dlm <http://www.pesakamalaysia.org.my/pembangunan>. [Diakses pada 4 Jun 2017].

⁹⁵ Utusan Malaysia. (2015). *kerajaan sambut baik pendirian pesaka jadi benteng pertahanan negara* dlm <http://www.utusan.com.my/utusan/> [Diakses pada 3 Jun 2017].


⁹⁶ PESAKA (20 September 2015) *Silat diiktiraf Sebagai Seni Mempertahankan Diri Rasmi Negara* dlm <http://www.pesakamalaysia.org.my/> [Diakses pada 3 Jun 2017].

⁹⁷ <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1231407> dan <http://www.theborneopost.com/2016/04/03/kpm-cari-jalan-terapkan-seni-silat-di-sekolah-mahdzir/>. [Diakses pada 4 Jun 2017].

⁹⁸ Opare, S. (2007). Strengthening community-based organizations for the challenges of rural development. *Community Development Journal*, 42(2), 251-264.

⁹⁹ Schulz, A. J., Israel, B. A., Zimmerman, M. A., & Checkoway, B. N. (1995). Empowerment as a multi-level construct: perceived control at the individual, organizational and community levels. *Health Education Research*, 10(3), 309-327.

¹⁰⁰ Maslow, A.H. (1943). Psychological Review 50 (4) 370-396 - A theory of human motivation dlm. <http://psychclassics.yorku.ca/Maslow/motivation.htm>. An internet resource developed by Christopher D. Green York University, Toronto, Ontario. ISSN 1492-3713. [Diakses pada 4 Jun 2017].



sosial, penghargaan dan hasrat diri mereka. Keperluan-keperluan ini hakikatnya juga terangkum kemas di dalam kerangka Maqasid Syariah yang menekankan kepada soal pemeliharaan kesucian agama, nyawa, akal, kehormatan serta harta benda [101].


Kesimpulan

Proses membangunkan komuniti merupakan tanggungjawab semua pihak bagi mencapai matlamat pembangunan yang menyeluruh dari segi sosio-ekonomi, politik, keselamatan dan sebagainya. PSSCM telah memainkan peranannya dalam segmen pengembangan seni budaya sebagai sarana bagi menarik minat masyarakat untuk melibatkan diri sebagai proses pemerksaan dan pembentukkan komuniti yang bersatu padu. Peranan ini merupakan satu usaha murni bagi melengkapi proses pembangunan komuniti sepertimana saranan kerajaan melalui agenda TN50 yang menekankan penglibatan aktif pelbagai pihak bukan kerajaan untuk memberikan input-input perancangan pembangunan negara bagi tempoh 33 tahun akan datang [102] di mana gagasan tersebut turut menjadi dorongan kepada PSSCM untuk terlibat sama mendokong aspirasi-aspirasi nasional [103]. Kesimpulannya, kertas kerja

¹⁰¹ Rahman, R. A., & Ahmad, S. (2010). Pengukuran keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif maqasid al-syariah. *Abdul Ghafar Ismail Mohd Ezani Mat Hassan Norazman Ismail Shahida Shahimi*, 450 - 453.

¹⁰² Utusan Malaysia. (23 Oktober 2016). *Transformasi Nasional 2050 bawa suara rakyat - Khairy: Penentu penetapan misi, visi negara tempoh 3 dekad akan datang* dlm. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/transformasi-nasional-2050-bawa-suara-rakyat-8211-khairy-1.398230>. [Diakses pada 5 Jun 2017].

¹⁰³ PSSCM. (2017). Sambutan 52 Tahun (1965 - 2017) Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Istiadat Konvokesyen ke 34 Mesyuarat Agung Perwakilan ke 45 20 Mei 2017 bersamaan 23 Syaaban 1438H Dewan Datuk Haji Maideen, Seremban, Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM, 12.




penyelidikan ini telah membuktikan bahawa PSSCM hakikatnya merupakan sebuah organisasi berasaskan komuniti yang sentiasa selari dengan tafsiran, ciri, skop serta proses gerak kerja di dalam pembangunan komuniti di Malaysia.

Nota Hujung



BIOGRAFI RINGKAS

NAMA : Shukri bin Janudin
KELULUSAN : 1999 - Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) (Kepujian), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
2001 - Diploma Pentadbiran Awam - DPA (Kepujian), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, Kuala Lumpur
2003 - Certificate of Diplomacy and Foreign Relations, Institute of Diplomacy and Foreign Relations - IDFR, Kuala Lumpur
KERJAYA : Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) - sedang mengikuti Pengajian Sarjana Sains Pembangunan Komuniti di Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang (2016 -2018).
PENGLIBATAN DALAM PSSCM: (USM),
1995 -1999 - Mempelajari Silat Cekak Malaysia di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
2015 - kini - Penasihat PSSCM Putrajaya.



BIOGRAFI RINGKAS

- NAMA** : Prof. Madya Dr. Asnarulkhadi bin Abu Samah
- KELULUSAN** : 1985 - B.A (Hons), (Antropologi dan Sosiologi), Universiti Malaya
1989 - Master of Philosophy (Pembangunan Manusia), Universiti Malaya
1997 - PhD., (Community Development), University of Nottingham, United Kingdom
- KERJAYA** : 2016 - Pengarah, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), UPM
2015 - Timbalan Pengarah, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), UPM
2014 - Ketua Laboratori - Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial IPSAS UPM
1991 - Pensyarah, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia (FEM) UPM

Kertas kerja ini telah dibentangkan di Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islam (I-STET) 2017, Memartabatkan Turath Islam Memacu Tamadun Multi Etnik, Dewan Kuliah DK 1, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai Negeri Sembilan pada 30 September 2017.